

BAB 4

PENINGKATAN PERADABAN MENERUSI MENGGLOBALISASIKAN BAHASA JEPUN

4.1. Penggubalan Kurikulum Bahasa Jepun untuk Pelajar-Pelajar Asing

Beberapa perkara penting perlu diambil kira di dalam proses penggubalan kurikulum seperti latar belakang seseorang pelajar, tujuan belajar bahasa Jepun dan bagaimana proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun itu dijalankan (Tamamura, 1992:226)

4.1.1. Persediaan dan Keperluan Pengajaran dan Pembelajaran

Pertama, latarbelakang pelajar perlu dikenalpasti iaitu dari mana ia berasal atau kewarganegaraan dan bahasa ibundanya kerana ini akan mempengaruhi medium proses pengajaran dan pembelajaran nanti samada menggunakan bahasa ibunda seseorang pelajar itu atau menggunakan bahasa Jepun. Umur dan jantina perlu diketahui untuk menimbang kepantasan pengajaran di kelas dan sebagainya. Latarbelakang pengetahuan

bahasa Jepun seseorang pelajar itu perlu diketahui untuk merancang tahap pengajaran dalam kelas nanti.

Kedua, tujuan belajar bahasa Jepun. Oleh kerana tujuan ini akan mempengaruhi cara pembelajaran dan pengajaran dijalankan supaya ia dapat memenuhi keperluan seseorang pelajar itu dalam perancangan masa depannya. Ini adalah kerana seseorang pelajar itu memerlukan kemahiran berbahasa dalam bahasa Jepun mengikut bidang-bidang tertentu yang diperlukannya. Contohnya, seseorang pelajar yang ingin meneruskan pelajarannya di peringkat pengajian tinggi di Jepun perlu mempunyai penguasaan bahasa Jepun yang tinggi untuk memahami kuliah-kuiliah yang akan dijalankan dalam bahasa Jepun. Bagi seseorang yang ingin menceburi dalam bidang perhotelan, pelancongan dan interpretasi perbualan memerlukan kemahiran dalam pertuturan dan pendengaran.

Ketiga, strategi dan kelengkapan pengajaran dan pembelajaran. Aspek dari segi kaedah, alat bantuan, kepantasan dan kandungan pengajaran dan pembelajaran dalam kemahiran mendengar, menulis, bertutur dan membaca perlu diambil kira. Kelengkapan seperti tempat, guru-guru, jadual waktu dan lain-lain juga penting dalam penggubalan kurikulum untuk pelajar asing.

4.1.2. Penggubalan Kurikulum

Apabila butir-butir mengenai latarbelakang, tujuan dan kelengkapan telah diketahui maka pembentukan sukanan pelajaran dilakukan. Sukanan pelajaran utama yang dibentuk ini meliputi elemen-elemen bahasa seperti kemahiran dalam aspek penyebutan (*pronunciation*), perbendaharaan kata (*vocabulary*), huruf-huruf (*letters*), bentuk-bentuk ayat (*sentence pattern*) dan penulisan (*writing*).

“Dengan itu, satu keperluan yang sangat mustahak untuk menggubalkan satu cara (kurikulum) untuk mengajar orang asing supaya dapat bertutur dalam bahasa Jepun dengan baik”.

(Tamamura, 1992:220)

Sukanan pelajaran yang lain adalah mengenai kemahiran berkomunikasi, kemahiran membina ayat, kemahiran bertutur, menulis, mendengar dan membaca dan kemahiran mengupas dan menjawab soalan-soalan peperiksaan dan ujian. Daripada sukanan pelajaran di atas perancangan mengenai masa yang diperlukan untuk menjalankan kelas, jantina dan bilangan tenaga pengajar yang diperlukan, kelengkapan dan persediaan yang ada harus dapat memenuhi bilangan pelajar dan sukanan pelajaran harus disemak dari masa ke semasa untuk kesesuaianya. Kemudian matlamat atau objektif yang ingin dicapai di akhir pengajian perlu diberikan. Seterusnya kaedah pengajaran yang berkesan, buku teks yang sesuai, memilih alat bantuan mengajar yang

tepat dan jadual waktu pengajaran yang sesuai mengikut tahap-tahap kebolehan pelajar (Tamamura, 1992:230).

Di Ambang Asuhan Jepun, Pusat Asasi Sains, Universiti Malaysia, kursus yang dijalankan di sini adalah berbentuk intensif di mana pelajar perlu menghabis selama 4 semester pengajian yang terbahagi kepada 3 tahap iaitu tahap asas, tahap menengah dan tahap tinggi. Bagi Semester 1 dan 2 waktu yang diperuntukan untuk bahasa Jepun adalah sebanyak 4 jam sehari dan 20 jam seminggu. Di tahap asas pembelajaran ditekan kepada kemahiran penyebutan, membaca, menulis, pendengaran dan membina ayat dengan menggunakan bentuk ayat yang diajar. Kemahiran seperti membaca buku teks, menulis dan menghafal kanji serta boleh memhami pertuturan kaset adalah matlamat yang diharapkan. Ujian bulanan dan peperiksaan setiap akhir semester dijalankan untuk mengukuhkan pemahaman pelajar.

Manakala semester 3 dan 4 bahasa Jepun adalah sebanyak 11 jam seminggu tetapi semua pelajaran subjek seperti fizik, kimia, matematik dan pelajaran hal ehwal Jepun diajar dalam bahasa Jepun juga. Di tahap ini pelajar dijangka dapat berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Jepun di dalam kelas bersama guru-guru dengan baik. Pelajar juga boleh menulis ayat-ayat susah dan tinggi mutunya. Di tahap ini juga pelajar dijangka dapat menulis laporan-laporan mengenai kajian atau penyelidikan makmal dengan menggunakan bahasa Jepun. Ujian bulanan dijalankan untuk mengetahui perkembangan pelajar. Pelajar yang gagal di peperiksaan akhir semester 3 tidak dibenarkan untuk meneruskan pelajaran mereka di sini. Peperiksaan Kementerian

Pendidikan dan Sains Jepun akan dijalankan pada akhir semester 4 untuk memilih pelajar-pelajar yang akan dihantar untuk belajar di universiti-universiti Jepun. Penggubalan kurikulum adalah berbeza mengikut tujuan seseorang pelajar itu. Oleh yang demikian kurikulum memainkan peranan penting di dalam merealisasikan matlamat seseorang pelajar.

4.2. Penubuhan Institusi Pengajian Bahasa Jepun di Luar Negara

Sebuah institusi yang bertanggongjawab terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun di luar negara adalah sangat perlu ditubuhkan. Maka institusi tersebut dikenali sebagai Yayasan Jepun.

‘Pada tahun 1974 Pusat Penyelidikan Kebangsaan Bahasa Jepun (National Japanese Language Research Center) telah ditubuhkan manakala pada tahun yang sama Jabatan Pendidikan Bahasa Jepun (Japanese Language Department) dan Yayasan Jepun (Japan Foundation) juga ditubuhkan’.

(Tamamura, 1992:300)

Sejak penubuhannya pada tahun 1972, Yayasan Jepun (*Japan Foundation*) telah memfokuskan kegiatannya dalam mempromosikan pendidikan bahasa Jepun di luar negara Jepun. Pada tahun 1979, bilangan pelajar yang belajar bahasa Jepun di seluruh dunia adalah 127,167 tetapi telah meningkat kepada 2.1 billion pada pada 1998.

(Sumber Internet: http://www.jpt.go.jp/e/urawa/e_about/e_cnt_02.html)

4.2.1. Punca Peningkatan Pelajar

Peningkatan pelajar yang belajar bahasa Jepun ini ini adalah berpunca daripada bilangan pelajar yang bukan hanya mengambil jurusan pengajian bahasa Jepun dan linguistik sahaja tetapi datang daripada pelajar yang mengambil jurusan perniagaan, ekonomi, sains dan teknologi, kejuruteraan dan lain-lain.

“Dalam dunia sekarang ini banyak perubahan yang berlaku. Oleh kerana negara Jepun adalah aman, maju dalam bidang ekonomi serta mempunyai teknologi yang tinggi. Jepun mempunyai peranan terhadap masyarakat dunia. Sehubungan dengan itu, ramai yang ingin mengetahui dan mempelajari tentang negara Jepun, ingin bekerja dengan orang Jepun dan di negara Jepun dan ingin belajar bahasa Jepun telah meningkat dengan mendadak sekali”.

(Tamamura, 1992:220)

Di setengah-tengah negara pula ada memperkenalkan mata pelajaran elektif bahasa bahasa Jepun di sekolah-sekolah. Ini adalah di antara penyumbang kepada peningkatan bilangan pelajar yang membuat persediaan bahasa untuk menyambung pelajaran mereka di universiti di Jepun nanti.

4.2.2. Tujuan Penubuhan Yayasan Jepun

Memandangkan terdapat pelbagai tujuan dan pelajar yang akan mengikuti pelajaran bahasa Jepun ini di luar negara Jepun, maka sebuah badan atau institusi yang memantau perjalanan program ini supaya dapat memberi bantuan, keperluan, panduan dan kerjasama dalam menjalankan pengajaran bahasa Jepun dengan lebih berkesan adalah sangat diperlukan.

Selain daripada bantuan kewangan dan harta benda, Yayasan Jepun juga menjalankan program menghantar guru-guru bahasa Jepun bukan natif untuk belajar di Jepun. Ini adalah untuk meningkatkan kefahaman bahasa Jepun di kalangan guru-guru tersebut di samping memperkenalkan metodologi pengajaran bahasa Jepun yang terkini. Selain itu , guru-guru ini juga dapat memahami dengan lebih jelas budaya dan kehidupan orang Jepun.

4.2.3. Fungsi Yayasan Jepun

Tugas untuk memenuhi keperluan dan bantuan pengajaran bahasa Jepun di luar negara Jepun yang dipikul oleh Yayasan Jepun makin lama semakin bertambah, maka pada tahun 1989, yayasan ini ditukar menjadi sebuah institusi yang dikenali sebagai Institusi Bahasa Jepun Yayasan Jepun (*The Japan Foundation-Japanese Language Institute*) yang didirikan di Urawa, Jepun dengan tujuan untuk memantau perjalanan Yayasan Jepun di seluruh dunia.

4.2.4. Pusat Bahasa Yayasan Jepun

Pusat Bahasa Jepun (*Japanese Language Centre*) adalah salah satu jabatan khas yang ditubuhkan di dalam Yayasan Jepun khusus mengendalikan kursus-kursus bahasa Jepun. Terdapat 3 peringkat pembelajaran bahasa Jepun yang ditawarkan iaitu tahap asas (*Basic Level*), tahap pertengahan (*Intermediate Level*) dan tahap tinggi (*Advance Level*).

Selain daripada kursus bahasa, pusat ini menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun dengan mengadakan bengkel-bengkel bahasa, forum bahasa, ceramah bahasa, pertandingan-pertandingan syarahan dan menulis esei dan peperiksaan kecekapan bahasa Jepun. Juga pusat ini mengedarkan informasi terkini tentang perkembangan bahasa kepada ahli-ahli nya yang terdiri daripada guru-guru bahasa Jepun samada natif atau pun bukan natif.

4.2.5. Perpustakaan

Yayasan Jepun di seluruh dunia selain berperanan sebagai sebuah institusi memperkembangkan bahasa Jepun, ia juga menyediakan kemudahan perpustakaan kepada sesiapa yang berminat di dalam semua hal berkenaan dengan Jepun. Buku, majalah, akhbar, jurnal, alat audio dan video dalam pelbagai bidang ilmu yang berkaitan dengan negara Jepun ada terdapat di perpustakaan ini. Selain di Yayasan Jepun perpustakaan juga ada terdapat di Kedutaan Jepun. Dengan cara ini bahasa Jepun tidak

lagi merupakan bahasa yang terpinggir kerana segala kemudahan untuk mendapatkan maklumat bolah diperolehi di perpustakaan Jepun di seluruh dunia.

4.3. Menyediakan Biasiswa kepada Warga Asing untuk Melanjutkan pelajaran ke Jepun

4.3.1. Kategori Pelajar Malaysia di Jepun

Terdapat 3 kategori pelajar Malaysia yang menuntut di universiti dan kolej di Jepun. Pelajar-pelajar ini kebanyakannya adalah pelajar yang diberikan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran mereka. Pelajar-pelajar ini ditaja samada oleh biasiswa daripada kerajaan negara Malaysia, ada juga diberikan biasiswa oleh kerajaan negara Jepun atau pun pelajar persendirian yang menggunakan perbelanjaan sendiri, ditaja oleh persatuan-persatuan di Malaysia dan oleh pertubuhan-pertubuhan swasta Jepun.

Jadual 1: Jumlah Pelajar Malaysia di Jepun

Tahun	Biasiswa Jepun	Biasiswa Malaysia	Persendirian	Jumlah
1985	109	116	410	635
1986	135	227	532	896
1987	165	315	640	1120
1988	197	355	649	1201
1989	232	395	683	1310
1990	254	446	844	1044
1991	262	492	988	1742
1992	252	572	1110	1934
1993	254	600	1251	2105
1994	270	775	1231	2276
1995	287	872	1071	2230
1996	299	1004	886	2189
1997	324	1194	610	2128

Sumber: (http://www.jagam.org.my/05_student/05_student12.html)

Jadual di atas menunjukkan peningkatan jumlah pelajar Malaysia di Jepun setiap tahun yang bermula daripada tahun 1985 seramai 109 orang yang ditaja oleh biasiswa kerajaan Jepun meningkat seramai 324 orang pada tahun 1997. Manakala peningkatan juga dapat dilihat daripada jumlah pelajar yang ditaja oleh kerajaan Malaysia iaitu seramai 116 orang pelajar pada tahun 1985 terus meningkat seramai 1194 orang pelajar pada tahun 1997. Jika dicampur dengan pelajar persendirian jumlah pelajar Malaysia yang belajar di Jepun pada tahun 1985 adalah seramai 635 orang berbanding 2128 orang pada tahun 1997.

4.3.2. Kursus Persediaan untuk Penerima Biasiswa JPA Kerajaan Malaysia

Pelajar-pelajar yang ditaja oleh kerajaan Malaysia menerusi program biasiswa JPA perlu menjalani kursus persediaan bahasa Jepun dan matapelajaran subjek di pusat-pusat persediaan di Malaysia. Pusat-pusat tersebut adalah Rancangan Persediaan Khas ke Jepun di Ambang Asuhan Jepun (Universiti Malaya) bagi program ijazah, Pusat Persediaan Kajian Teknikal ke Jepun (UTM) bagi program diploma, program matrikulasi di Yayasan MARA dan program bahasa di Program Pandang ke Timur (UiTM).

Di bawah adalah jadual yang menunjukkan jumlah pelajar kursus persediaan yang telah dihantar ke Jepun untuk menyambung pelajaran di pelbagai peringkat pengajian. Program *Undergraduate* untuk pelajar Ambang Asuhan Jepun (AAJ), program *undergraduate Japanese Matriculation center* untuk pelajar Yayasan Pendidikan Mara

(YPM), program perubatan (*Medicine*), program guru bahasa (*Japanese Language Teacher*) dan program kolej teknikal (*College of Technology*).

Jadual 2 : Jumlah Pelajar Malaysia Kursus Persediaan Yang dihantar ke Jepun

Year	AAJ	YPM	MED.	JLT	CT	TOTAL
1983	-	-	-	-	24	24
1984	39	-	-	-	23	67
1985	45	-	-	-	30	75
1986	64	-	-	-	29	93
1987	79	-	-	-	30	109
1988	81	-	-	-	30	111
1989	84	-	-	-	29	113
1990	81	-	2	10	50	143
1991	88	-	2	10	65	165
1992	104	-	2	12	78	196
1993	114	-	-	15	0	129
1994	135	-	-	20	92	247
1995	123	58	-	17	89	287
1996	128	76	-	14	88	306
1997	145	94	-	10	96	345
1998	147	43	-	6	94	290
Total	1457	269	6	114	852	2689

Sumber: (http://www.jagam.org.my/05_student/05_student_12.html)

Penghantaran pelajar-pelajar kursus persediaan Jepun di Ambang Asuhan Jepun,Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya telah bermula semenjak tahun 1984 iaitu seramai 39 orang pelajar perintis telah ke Jepun pada tahun tersebut dan jumlah ini terus meningkat dari tahun ke tahun dan pada tahun 1998 jumlah penghantaran adalah seramai 1457 orang pelajar. Yayasan Mara mula menghantar pelajar ialah pada 1995 seramai 58 orang pelajar dan pada 1998 jumlahnya adalah seramai 269 orang pelajar. Pelajar jurusan perubatan mula dihantar pada 1990 hingga 1992 sahaja dan jumlahnya adalah seramai 6 orang pelajar sahaja.

:

Manakala pelajar untuk program guru bahasa Jepun mula dihantar pada tahun 1990 dan jumlahnya pada tahun 1998 adalah seramai 114 orang. Pelajar program teknikal di UTM mula hantar pada tahun 1983 seramai 24 orang dan berjumlah seramai 852 orang pelajar. Pada keseluruhannya jumlah pelajar kursus persediaan yang telah dihantar ke Jepun pada tahun 1998 adalah seramai 2689 orang pelajar.

4.3.2.1. Kurikulum Bahasa Jepun di Ambang Asuhan Jepun, UM

Perancangan kurikulum di antara UM dan UTM ada sedikit perbezaan kerana pelajar di AAJ adalah pelajar yang akan memasuki universiti manakala pelajar PPKTJ adalah pelajar yang akan memasuki kolej teknikal di Jepun. Oleh kerana itu terdapat perbezaan di dalam bilangan waktu pembelajaran dan pengajaran di antara kedua-duanya terutamanya di tahun 1.

"The first programme that was initiated under the Look East Policy to prepare Malaysian students for study in Japanese universities was ini 1982 when the Centre of Foundation Studies for Sciences, University of Malaya was charged with the task of conducting twi-year preparatory programme".

(International Conference on Malaysia Look East Policy: Challenges and Contribution)

Jadual 3: Jumlah Jam Seminggu Pelajar AAJ Bagi Tahun 1 dan 2

Matapelajaran	Tahun 1	Tahun 2
	Jam	Jam
Bahasa Jepun	20	11
Matematik	6	7
Fizik	7	7
Kimia	8	7
Bahasa Inggeris	2	1
Hal Ehwal Jepun	1	1
	44	34

(Sumber dari Buku Panduan Sesi 2002/2003 Pusat Asasi Sains, UM)

Proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun bagi tahun pertama di Ambang Asuhan Jepun meliputi 4 bahagian utama iaitu pertuturan (oral), membaca (reading), menulis (writing) dan tatabahasa (grammar). Bahasa Jepun mengambil waktu sebanyak 20 jam seminggu yang diselaraskan mengikut keutamaan dalam pengajaran bagi bahagian yang disebut di atas tadi. Dalam pembelajaran pertuturan perkara-perkara seperti penyebutan, aksen (accent) dan intonasi suara dilatih dengan menggunakan pengucapan-pengucapan seperti mengucapkan salam, memperkenalkan diri, pekerjaan, bertanya dan menjawab lokasi, masa, tarikh dan nombor, meminta pertolongan, mengucapkan keinginan dan sebagainya. Manakala aspek membaca dan menulis pula, biasanya digabungkan semasa memberikan pengajaran di mana pengetahuan tentang sistem asas tulisan Jepun yang tergolong daripada tulisan Hiragana (46 huruf), Katakana (46 huruf) dan Kanji (sinogram) sebanyak 358 huruf. Di bahagian ini juga pengenalan tentang menulis karangan mudah dengan menggunakan tulisan-tulisan yang telah dipelajari. Begitu juga karangan-karang pendek dan mudah digunakan untuk melatih pembacaan untuk melihat kefasihan penyebutan, aksen dan intonasi.

Dalam bahagian tatabahasa pula penekanan diberikan kepada partikel, transformasi kata adjektif, kata kerja dan kata nama, Memperkenalkan jenis-jenis kata adjektif, kata kerja dan kata nama serta kumpulan-kumpulannya. Kala (tense) golongan kata tersebut juga diperkenalkan sebagai kala depan, kala kini dan kala lampau. Di samping itu perbendaharaan kata juga diperkenalkan semasa mengenalkan tatabahasa kepada para pelajar.

Pemberatan isi kandungan setiap bahagian akan ditambah apabila para pelajar meningkat ke tahun 2 di mana keseluruhan kursus ini akan dijalankan dengan bahasa Jepun sepenuhnya. Semasa tahun pertama hanya bahasa Jepun diajar dalam bahasa Jepun manakala matapelajaran subjek di ajar dalam bahasa Melayu tetapi apabila meningkat ke tahun 2 semua subjek termasuk matapelajaran subjek juga diajar dalam bahasa Jepun.

4.3.2.2. Kurikulum Bahasa Jepun di Pusat Persediaan Kajian Teknikal ke Jepun, UTM

Jumlah masa yang di peruntukan terhadap bahasa Jepun sama banyak dengan AAJ iaitu sebanyak 20 jam tetapi jumlah masa matapelajaran subjek di PPKTJ kurang 10 jam. Ini adalah kerana pelajar PPKTJ ini akan ditempatkan di kolej-kolej teknikal yang tidak memerlukan banyak waktu dalam matapelajaran subjek.

Kurikulum bahasa Jepun di PPKTJ, UTM telah menggariskan 5 bahagian dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun. Bahagian-bahagian tersebut adalah tatabahasa, tulisan, kefahaman dan karangan, pendengaran dan perbualan.

Jadual 4: Jumlah Jam Seminggu Pelajar PPCTJ Bagi Tahun 1 dan 2

Matapelajaran	Tahun 1	Tahun 2
	Jam	Jam
Bahasa Jepun	20	10
Matematik	6	6
Fizik	2	6
Kimia	2	6
Bahasa Inggeris	2	2
Sejarah Jepun	2	1
	32	31

(Sumber dari International Conference On Look East Policy:Challenges And Contributions)

“The Technical Study Programme (TSP) of the Look East Policy was launched in 1982 with the objectives of providing opportunities to Malaysian students to pursue diploma of engineering courses at National College of Technology (NCT) ini Japan”.

(International Conference on Malaysia Look East Policy: Challenges and Contribution)

Kemahiran-kemahiran berbahasa yang perlu dicapai di dalam setiap bahagian adalah seperti berikut. Melalui tatabahasa bentuk-bentuk ayat, peraturan tatabahasa, penggunaan partikel, dan kata kerja diperkenalkan. Penekanan dalam bahagian tulisan pula diberikan kepada kecekapan menulis dan membaca tulisan hiragana dan katakana. Selain daripada itu pelajaran kanji (sinogram) juga dijalankan. Apabila kemahiran mengenal dan kebolehan menulis sudah dicapai kemahiran kefahaman pula perlu diselaraskan supaya pelajar mendapat latihan untuk memahami isi kandungan sesebuah karangan. Kemudian kemahiran menulis karangan dalam pelbagai tajuk dijalankan untuk mendapatkan penilaian sejahteranama kemajuan seseorang pelajar.

Aspek pendengaran menekankan kepada kemahiran mendengar dengan berkesan dan dapat memproses serta bertindak dalam semua situasi. Boleh memahami siaran berita, temuduga dan kuliah-kuliah yang dihadiri dan di dalam situasi yang berbeza. Dalam bahagian ini juga penekanan terhadap kemahiran mencatat nota kuliah-kuliah pensyarah. Bahagian perbualan pula kemahiran berbual meliputi topik-topik sehari-hari dan berkembang kepada topik-topik yang canggih. Diharapkan daripada kemahiran ini nanti pelajar akan dapat menjalankan sesi diskusi dan dapat menyampaikan syarahan.

Tidak dinafikan bahawa kemahiran berbahasa Jepun sangat dipentingkan di peringkat persediaan ini di mana banyak waktu diperlukan untuk menyediakan pelajar-pelajar supaya dapat mengikut kuliah dalam bahasa Jepun dan juga dapat bermasyarakat dengan berkomunikasi dengan orang Jepun menggunakan bahasa Jepun di Jepun nanti.

4.3.3. Sumber-Sumber Biasiswa

Pihak kerajaan Malaysia memerlukan sumber kewangan yang banyak untuk membiayai pelajar-pelajar untuk menyambung pelajaran mereka ke negara Jepun. Selain daripada peruntukan negara, pihak negara Malaysia juga membuat beberapa pinjaman daripada negara Jepun. Salah satu daripada pinjaman itu adalah Projek Dana Pinjaman Untuk Pendidikan Tinggi (*Higher Education Loan Fund Project – HELP II*) di mana dana ini digunakan sebagai biasiswa untuk membiayai pelajar-pelajar yang menuntut di negara Jepun dan untuk kursus-kursus persediaan di Malaysia.

"Pada tahun 1954, satu sistem telah dibentuk yang dikenali sebagai Sistem Pelajar Asing yang ditaja (diberikan biasiswa) oleh kerajaan negara Jepun melalui Kementerian".

(Tamamura, 1992:300)

4.3.4. Jenis-Jenis Biasiswa dari Negara Jepun

Negara Jepun telah menyediakan pelbagai jenis biasiswa kepada pelajar asing untuk mengikuti pengajian mereka di pusat-pusat pengajian di Jepun. Biasiswa ini telah disediakan oleh pelbagai agensi Jepun untuk memudahkan pelajar-pelajar mendapat bantuan kewangan untuk meneruskan pengajian mereka. Terdapat 5 jenis biasiswa yang disediakan iaitu biasiswa oleh kerajaan negara Jepun, biasiswa oleh Persatuan Pendidikan Antarabangsa (AIEJ), biasiswa oleh kerajaan tempatan dan persatuan antarabangsa, biasiswa oleh Yayasan persendirian dan biasiswa yang disediakan di luar negara.

(Sumber Internet: http://www.aiej.or.jp/scholarships_sfisij_e.html)

4.3.4.1. Biasiswa Kerajaan Jepun (Mombukagakusho) (Japanese Government (Mombugakakusho) Scholarships)

Biasiswa ini sering dikenali sebagai biasiswa *Mombukagakusho* (Biasiswa Kementerian Pendidikan Jepun). Syarat-syarat umum penerima biasiswa ini adalah seperti umur tidak melebihi 40tahun, jumlah biasiswa bergantung kepada jenis biasiswa yang ditawarkan dan terbuka kepada pelajar penyelidikan (*research student*), pelajar

latihan perguruan (*teacher training student*), pelajar ‘undergraduate’ (*undergraduate student*) , pelajar kolej teknologi (*college of technology student*), pelajar kolej latihan khas (*special training college student*) dan pelajar pengajian Jepun (*Japanese studies student*).

Bidang pengajian yang dibenarkan adalah seperti pentadbiran awam, pendidikan, kejuruteraan, pelancongan, fesyen, seni foto, bahasa Jepun dan lain-lain pengajian yang difikirkan perlu. Walaupun pengetahuan bahasa Jepun tidak disyaratkan semasa memohon tetapi apabila diterima masuk tahun pengajian, semua pelajar ini diwajibkan mengambil kursus bahasa Jepun selama dua semester.

Jadual 5:Jumlah Pelajar Biasiswa Monbukagakusho

Year	Undergraduate	Reseacher	Teacher Training	College of Technology	Senshu Gakko	Total
1988	14	20	11	5	7	57
1989	15	25	11	5	8	64
1990	17	27	10	5	7	66
1991	17	27	2	5	8	59
1992	21	25	5	5	8	64
1993	22	27	6	1	4	60
1994	19	27	5	3	3	59
1995	21	27	3	1	6	58
1996	18	27	4	2	8	62
1997	18	31	3	6	9	57
1998	18	16	-	4	5	43
Total	385	431	115	62	78	1077

Sumber: (http://www.jagam.org.my/05_student/05_student12.html)

Kementerian Pendidikan Jepun melalui biasiswa Monbukagakusho telah menghantar pelajar, penyelidik dan pelatih untuk mengikut pelbagai program. Semenjak

dari tahun 1988 hingga 1998, Kementerian Pendidikan Jepun telah menghantar seramai 385 orang pelajar undergraduate, 431 orang penyelidik, 115 guru pelatih, 62 pelajar teknikal dan 78 pelajar sekolah senshu yang membawa kepada sejumlah 1077 penerima biasiswa Monbukagakusho.

4.3.4.2. Biasiswa Persatuan Pendidikan Antarabangsa Jepun (AIEJ) (Association Of International Education Japan Scholarship)

Biasiswa ini ditawarkan kepada pemohon yang berumur di bawah 35 tahun dan terbuka kepada kebanyakannya pemohon di sekitar negara di Asia. Biasiswa jenis ini adalah terhad di mana terdapat 4 jenis sahaja. Biasiswa AIEJ ini adalah seperti biasiswa Jinnai, biasiswa Kansai Paint dan biasiswa Kanase Industries yang menawarkan kepada pemohon yang memohon pengajian selain daripada sastera, kemanusiaan dan sukan.- Biasiswa ini lebih tertumpu kepada pemohon yang cenderung terhadap pengajian perubatan, veterinar dan pergigian.

Walau bagaimanapun bidang-bidang lain seperti undang-undang, ekonomi, pengurusan perniagaan dan perdagangan dibenarkan juga. Jumlah biasiswa yang diterima bergantung kepada jenis biasiswa yang ditawarkan oleh AIEJ. Pelajar-pelajar tajaan AIEJ ini akan ditempat di mana-mana universiti seluruh negara Jepun. Penerima biasiswa ini tidak dikenakan syarat bahasa Jepun semasa memohon tetapi diwajibkan mengambil kursus bahasa Jepun selama dua semester sepanjang pengajian mereka nanti.

4.3.4.3. Biasiswa Kerajaan Tempatan dan Biasiswa Persatuan Antarabangsa (Local Government and International Association Scholarship)

Biasiswa ini adalah bantuan kewangan yang dihulurkan oleh agensi kerajaan peringkat wilayah (prefecture) di mana setiap wilayah di Jepun ada menawarkan biasiswa untuk membantu pelajar asing yang ingin menuntut di Jepun. Program-program pengajian yang ditawarkan oleh biasiswa ini adalah seperti pelajar kolej teknologi, pelajar kolej latihan khas, pengajian Jepun, bahasa Jepun, pelajar kolej *junior*, auditor, pelajar *undergraduate*, pelajar sarjana dan program kedoktoran. Terdapat 67 biasiswa dalam biasiswa ini.

Biasiswa ini terbuka kepada semua pelajar asing dalam pelbagai bidang-bidang pengajian. Biasanya biasiswa ini mensyaratkan pelajar mengikuti pengajian mereka di dalam wilayah di mana biasiswa itu dikeluarkan. Contohnya, kalau biasiswa itu adalah *Hokkaido Foreign Student Scholarship* maka pelajar itu mesti menuntut di pusat pengajian yang ada di dalam wilayah Hokkaido. Contoh lain biasiswa jenis ini adalah seperti *Aomori Prefectural Scholarship For Internatinal Student*, *Hirosaki Ciry Private Foreign student Scholarship*, *Iwate International Association Scholarship* dan *Sendai International Relation Association*.

4.3.4.4. Biasiswa Yayasan Swasta (Private Foundation Scholarship)

Jenis biasiswa ini adalah seperti *Ai Foundation Scholarship*, *Asia 21 Scholarship Foundation Scholarship*, *Asian Student Cultural* dan *Association For Asian Education Exchange (AEE) Scholarshi.p*. Biasiswa ini terbuka kepada program-program seperti

pelajar kolej teknikal, pelajar kolej latihan khas, pelajar pengajian Jepun, bahasa Jepun, pelajar kolej junior, pelajar undergraguate, pelajar sarjana dan kedoktoran.

Bidang pengajian dalam bebas di mana pelajar boleh mengikuti pelbagai jurusan untuk menerima biasiswa ini. Tetapi syarat hanya dikenakan kepada tempat di mana pelajar perlu mengikuti di pusat pengajian yang ditentukan oleh biasiswa tersebut. Contohnya, biasiswa Asia Cultural memerlukan pelajar mengikuti pengajian mereka di pusat pengajian yang berada di wilayah Tokyo, Chiba, Saitama dan Kanagawa. Biasiswa ibni terbuka kepada semua pelajar asing. Terdapat sebanyak 167 biasiswa yang ditawarkan dalam kategori biasiswa ini.

4.3.4.5. Biasiswa di Luar Jepun (Scholarships Available Abroad)

Biasiswa ini hanya terdapat di luar negara Jepun dan biasanya ditawarkan oleh syarikat-syarikat yang beroperasi di negara tersebut. Program pengajian yang ditawarkan oleh biasiswa ini adalah kepada pelajar kolej teknikal, pelajar kolej latihan khas, pelajar pengajian Jepun, pelajar bahasa Jepun, pelajar kolej junior, auditor, pelajar undergraduate, pelajar sarjana dan kedoktoran.

Biasiswa jenis ini hanya ditawarkan kepada pelajar-pelajar di negara yang tertentu sahaja. Ada biasiswa dalam jenis ini ditawarkan kepada sesebuah negara dan tidak negara lain. Bidang pengajian, had umur pemohon dan universiti di mana seseorang pelajar itu akan menuntut juga berbeza mengikut biasiswa yang ditawarkan. Bagi negara Malaysia

biasiswa seperti *The Japan Foundation Fellowship For Doctoral Candidate, Association Of International Education Japan (AIEJ), Kansai Paint, Japan Dental Association, The Hitachi Scholarship, Panasonic Scholarship (Matsushita) dan Yoshida Scholarship.*

Walaupun kebanyakan daripada biasiswa-biasiswa yang ditawarkan tidak meletakkan syarat bahasa Jepun semasa membuat permohonan tetapi pelajar-pelajar yang menerima pelbagai biasiswa di atas diwajibkan mengambil mata pelajaran bahasa Jepun di pusat-pusat pengajian yang mereka menuntut selama dua semester untuk membantu mereka menjalani kehidupan di Jepun.

4.3.5. Pendapat Bekas Graduan daripada Universiti Jepun.

Penulis telah menemuramah 3 orang bekas graduan daripada universiti Jepun yang melanjutkan pelajaran mereka dengan menggunakan biasiswa yang ditawarkan seperti di atas.

Bekas graduan yang pertama ialah En. Azhar Bin Mad Aros yang kini bertugas di Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaya. Beliau telah menuntut di Universiti Nihon yang mengkhususkan pengajian perhubungan antarabangsa dengan biasiswa Monbukagakusho kerajaan negara Jepun . En. Azhar berpendapat bahawa orang Jepun sangat menghargai serta mengambil berat berkenaan peranan bahasa Jepun di dalam kehidupan seharian mereka. Mereka senantisa mengkaji dan mencipta istilah-istilah baru di dalam semua bidang daripada bidang ICT kepada menu masakan. Beliau

:

menambah lagi, bahasa Jepun itu seolah-olah lahir seiring dengan perkembangan terbaru dalam kehidupan manusia.

Graduan kedua ialah En. Asmadi Bin Hassan yang bertugas di Jabatan Pengajian Asia Timur, Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaya yang telah melanjutkan pengajian dengan menggunakan biasiswa Menbukagakusho kerajaan negara Jepun dan mengkhususkan pengajian dalam bidang pengajian antarabangsa di Universiti Kieo. Beliau berkata, sekiranya kita hendak mempelajari sesuatu daripada negara Jepun, langkah pertama ialah mengetahui selok belok bahasanya. Ini adalah kerana daripada bahasa masyarakat itu kita dapat menjawai semangat dan iltizam sesebuah masyarakat itu. Beliau berkata lagi, semasa proses permodenan di zaman Meiji, bahasa telah digunakan untuk menaikkan semangat patriotik dan nasionalisme masyarakat Jepun untuk bekerja keras dalam misi mencapai status negara moden yang setanding dengan negara Eropah dan Amerika Syarikat.

Graduan ketiga ialah En. Jaafar Bin Jambi yang bertugas di Ambang Asuhan Jepun, Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya yang telah melanjutkan pelajaran di Universiti Bunkyo mengkhususkan pengajian beliau dalam bahasa dan sastera Jepun. En. Jaafar telah melanjutkan pelajaran beliau dengan menggunakan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Beliau berpendapat bahawa bahasa Jepun adalah salah satu bahasa yang sangat unik kerana struktur bahasa dan tulisannya sangat berbeza dengan bahasa-bahasa lain di dunia. Oleh kerana kesusahan dan “*delicate*” nya bahasa Jepun ini telah menyebabkan orang Jepun menyanjungi dan memeliharanya dengan

memperbaiki dan memperkasakan bahasa Jepun melalui proses pengkajian dan penciptaan-penciptaan baru selaras dengan perkembangan globalisasi di zaman kini dan akan datang.

Pengurnian biasiswa melanjutkan pelajaran di Jepun untuk warga asing secara tidak langsung telah memperkembangkan lagi pengaruh bahasa Jepun di zaman globalisasi ini.

4.4. Menghantar Guru-Guru Bahasa Jepun ke Luar Negara untuk Mengajar Bahasa Jepun

Permintaan terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun semakin hari semakin meningkat di seluruh dunia. Fenomena ini terjadi kerana minat kepada budaya Jepun yang unik dan kedudukan negara Jepun sebagai sebuah negara kuasa ekonomi global telah meningkatkan lagi pembelajaran dan pengajaran bahasa Jepun sebagai bahasa kedua. Bahasa Jepun sekarang ada diajar di kebanyakan program sekolah rendah dan menengah serta diperingkat kolej dan universiti di kebanyakan negara Asia dan Barat. Bagi negara Malaysia, Dasar Pandang Ke Timur adalah satu dasar yang di antara tujuannya adalah untuk menghantar para pelajar untuk belajar di pusat pengajian tinggi di Jepun.

Pusat-pusat persediaan bahasa ini memerlukan guru-guru natif yang terlatih untuk mengajar bahasa Jepun kepada para pelajar ini. Justeru itu, Yayasan Jepun telah dipertanggungjawab untuk melatih bakal-bakal guru ini. Setelah guru-guru ini lulus,

Yayasan Jepun akan menghantar guru-guru terlatih ini ke seluruh dunia. Oleh yang demikian Yayasan Jepun juga telah menyediakan bantuan penggajian kepada guru-guru ini. Program bantuan penggajian (*salary assistance*) ini perlu mengikut syarat-syarat tertentu sebelum guru-guru ini dihantar bertugas di luar negara Jepun.

Guru-guru yang terpilih untuk mengikut program ini mesti mempunyai Ijazah bahasa Jepun di universiti masing-masing dan mempunyai pengalaman mengajar bahasa Jepun selama dua tahun di Jepun. Selain itu, guru-guru ini mesti mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam merancang kursus-kursus bahasa Jepun, mempraktikkan kurikulum bahasa Jepun dan mencipta alat-alat bantuan mengajar bahasa Jepun.

Guru-guru yang dihantar oleh Yayasan Jepun ke Malaysia biasanya ditugaskan mengajar di Universiti-universiti, pusat-pusat persediaan bahasa seperti di Ambang Asuhan Jepun, Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya, Pusat Pengajian Teknikal ke Jepun di UTM dan Yayasan Pendidikan Mara.

Selain Yayasan Jepun, JICA (*Japan International Cooperation Agency*) melalui JOCV (*Japanese Overseas Cooperation Volunteers*) juga telah menghantar guru-guru bahasa Jepun yang berumur di antara 20~39 tahun yang mempunyai kemahiran dan minat untuk bertugas di negara yang menjadikan bahasa Jepun sebagai bahasa elektif mereka. Di Malaysia, guru-guru ini ditempatkan di sekolah-sekolah asrama penuh untuk mengajar bahasa Jepun sebagai salah satu subjek elektif. Pada kebiasaan guru-guru yang dihantar bertugas di seberang laut ini adalah selama dua atau tiga tahun. Penyambungan tugas ini

adalah tidak automatik dimana pihak Yayasan Jepun dan JICA akan membuat keputusan terhadap kedudukan mereka pada setiap tahun.

(Sumber Internet: <http://www.jica.go.jp/english/activities/schemes/07jap.html/>)

4.5. Menganjurkan Peperiksaan Kecekapan Bahasa Jepun untuk Pelajar-Pelajar Melanjutkan Pelajaran ke Jepun

Memandangkan jumlah pelajar yang belajar bahasa Jepun semakin hari semakin meningkat di seluruh dunia, begitu juga dengan peluang-peluang untuk mempraktikkan kemahiran bahasa Jepun di dalam pelbagai pekerjaan terbuka luas. Ini telah mendorong kepada penubuhan satu badan yang dapat mengesahkan kecekapan bahasa itu. Maka Peperiksaan Kecekapan Bahasa Jepun (*The Japanese Language Proficiency Test*) telah diperkenalkan untuk menilai kecekapan penguasaan berbahasa Jepun di kalangan penuntut-penuntut bahasa Jepun di luar negara Jepun..

4.5.1. Objektif

Peperiksaan Kecekapan Bahasa Jepun ini dijalankan di Jepun dan di luar Jepun dengan tujuan untuk menilai dan memperakui kecekapan menguasai bahasa Jepun di kalangar penutur bukan natif Jepun. Peperiksaan ini dikendalikan oleh Persatuan Pendidikan Antarabangsa Jepun (AIEJ – Association of International Education, Japan) di Jepun dan Yayasan Jepun di luar Jepun.

4.5.2. Isi Kandungan Peperiksaan

Peperiksaan ini mengandungi empat tahap; calon boleh memilih tahap mana yang sesuai dengan keupayaan dan tahap pembelajaran mereka. Setiap peperiksaan mengandungi tiga bahagian iaitu tulisan & perbendaharaan kata, pendengaran dan kefahaman & tatabahasa. Perincian terhadap peperiksaan adalah seperti berikut:-

(Sumber Internet: http://www.jpt.gp.jp/hiroba/e/about_main.e.html)

- i. Bagi tahap satu mengambil masa selama 180 minit dan mengumpul sebanyak 400 markah. Bagi tahap ini calon sudah dapat menguasai tatabahasa dengan cemerlang serta dapat membaca, menulis dan memahami 2000 *kanji* (sinograms) dan mengetahui 10,000 perkataan. Pada tahap ini calon dijangka dapat berinteraksi dengan baik dalam kehidupan bermasyarakat di Jepun. Tahap ini biasanya dapat dicapai apabila seseorang calon sudah menghabiskan selama 900 jam pembelajaran bahasa Jepun pada tahap tinggi (Advance Level).

- ii. Tahap dua pula mengambil masa selama 145 minit dan mengumpul sebanyak 400 markah juga. Pada tahap ini calon sudah berupaya mencapai kemahiran tatabahasa yang agak tinggi serta dapat menulis, membaca serta memahami 1000 kanji dan tahu 6,000 perkataan. Keupayaan bertutur, membaca dan menulis perkara-perakara secara umum dalam bahasa Jepun adalah diperlukan. Tahap ini dapat dicapai apabila calon sudah

menghabiskan selama 600 jam pembelajaran bahasa Jepun tahap menengah (Intermediate Level).

- iii. Bagi tahap tiga mengambil masa selama 145 minit dan mengumpul sebanyak 400 markah. Calon sudah dapat menguasai bahasa Jepun pada tahap yang terhad serta dapat membaca, menulis dan memahami 300 kanji dan mengetahui sebanyak 1,500 perkataan. Pada tahap ini calon dijangka boleh mengambil bahagian di dalam perbualan harian, boleh membaca dan menulis ayat-ayat mudah. Tahap ini dapat dicapai apabila calon sudah menghabiskan 300 jam pembelajaran bahasa Jepun tahap asas.

- iv. Bagi tahap empat pula, mengambil masa selama 100 minit dan mengumpul sebanyak 400 markah. Pada tahap ini calon sudah dapat menguasai peringkat asas tatabahasa dan dapat menulis, membaca dan memahami 100 kanji serta tahu sebanyak 800 perkataan. Pada tahap ini calon sudah boleh bertutur dalam perbualan mudah serta dapat membaca dan menulis ayat-ayat mudah dan pendek. Tahap ini dicapai apabila calon sudah menghabiskan selama 150 jam pembelajaran bahasa Jepun separuh tahap asas (First half of an Elementary Level).

Pada tahun 1998 jumlah calon yang mengambil tahap satu adalah sebanyak 40,082, tahap dua sebanyak 32,509, tahap tiga sebanyak 32,376 dan tahap empat sebanyak 25,418 calon di seluruh dunia dan di Jepun. Daripada jumlah ini , calon di

Malaysia yang mengambil peperiksaan adalah sebanyak 1645 calon dan pecahannya adalah seperti berikut, tahap satu adalah sebanyak 87 calon, tahap dua – 358 calon, tahap tiga – 485 calon, dan tahap empat sebanyak 715 calon.

(Sumber Internet: http://www.jpt.go.jp/e/learn/jedu/no_test.html)

Calon-calon yang telah memperolehi kemahiran bahasa Jepun pada tahap satu dan dua layak untuk memohon untuk menyambung pelajaran mereka di universiti-universiti Jepun. Pada tahap ketiga dan keempat walaupun tidak layak untuk memohon masuk ke universiti mereka masih berpeluang untuk menjawat jawatan yang memerlukan kemahiran bertutur bahasa Jepun seperti di sektor pelancongan, perhotelan, perkilangan dan sebagainya.

4.6. Persembahan Kebudayaan di Negara-Negara Asing

Agensi yang bertanggungjawab dalam proses membawa persembahan-persembahan kebudayaan negara Jepun ke negara luar adalah kedutaan Jepun dan Yayasan Jepun. Dalam hal ini Yayasan Jepun melalui Pusat Kebudayaan Jepun (*Japan Cultural Centre*) telah menjalankan tugas ini semenjak Yayasan Jepun ditubuhkan pada 1972.

Matlamat Pusat Kebudayaan Jepun adalah untuk mempromosikan persefahaman dua hala di antara negara Jepun dengan negara asing melalui aktiviti-aktiviti kebudayaan.

Program-program yang dijalankan adalah seperti persembahan teater, drama, filem, tarian, dan nyanyian.

Sebagai contoh, Pusat Kebudayaan Jepun Kuala Lumpur telah membawa persembahan kebudayaan yang berbentuk teater tradisional yang popular iaitu *Kabuki*. *Kabuki* adalah sejenis teater tradisional yang sofistikated dan sangat stailistik. *Kabuki* tidak menggunakan pelakon wanita tetapi watak wanita dimainkan oleh seorang lelaki yang dipanggil sebagai ‘*onnagata*’. Biasanya pementasan kabuki berkisar kepada cerita sejarah yang agung atau pun cerita-cerita kehidupan seharian di zaman Edo (1600~1668). Persembahan ini sangat menarik kerana diiringi dengan muzik dan kostum-kostum yang berwarna-warni. *Kyogen* juga merupakan sebuah teater tradisional yang dipersembahkan oleh Pusat Kebudayaan Jepun. *Kyogen* berbeza sedikit daripada *Kabuki* kerana ianya berkisar daripada cerita pendek yang berunsurkan lawak atau komik.

Pusat Kebudayaan Jepun Kuala Lumpur juga menayangkan pelbagai jenis filem untuk tontonan rakyat Malaysia. Kebiasaanya cerita yang dipertontonkan adalah cerita yang bertemakan kemasyarakatan yang berunsurkan nilai-nilai hidup. Selain daripada itu, filem-filem yang berbentuk karton juga ada dipertunjukkan untuk mempelbagaikan selera penonton.

Di bidang nyanyian pula sebuah kumpulan opera telah mempersembahkan persembahan mereka di *The Actors Studio Bangsar* oleh kumpulan *Theatre Opera*

Konnakuza. Konset oleh *Umez Kazutoki "Kiki" Band* juga telah diadakan di 12SI, 12 Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur.

Secara tidak langsung persembahan-persembahan kebudayaan seperti teater tradisional dan moden, filem-filem dan nyanyian yang dipersembahkan di luar negara ini telah meningkatkan peradaban Jepun menerusi mengglobalisasikan bahasa Jepun.

4.7. Universiti yang Menawarkan Pengajian Bahasa Jepun untuk Pelajar Asing

Kebanyakan daripada beratus buah universiti yang terdapat di negara Jepun hampir kesemuanya ada menawarkan pengajian bahasa Jepun di universiti mereka. Pengajian bahasa Jepun ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahasa Jepun untuk pelajar Jepun sendiri dinamai sebagai bahasa Kebangsaan (*Kokugo*) manakala bahasa Jepun untuk orang asing dikenali sebagai bahasa Jepun (*Nihongo*).

Pelajar asing yang mengkhususkan pengajian bahasa Jepun ini biasanya menjurus kepada pengajian *Nihongo* di mana pelajar-pelajar ini apabila tamat pengajian nanti akan menjadi guru bahasa Jepun di negara masing-masing. Oleh yang demikian pihak universiti telah merangka kursus yang berkaitan dengan persediaan pengajaran bahasa Jepun di universiti mereka. Kursus ini bertujuan untuk menyediakan bakal-bakal guru ini dengan kurikulum yang sesuai untuk menjadi guru bahasa Jepun yang terlatih apabila tamat pengajian nanti.

Kurikulum Kursus Pengajaran Bahasa Jepun (*Japanese Language Teaching Course*) ini mewajibkan seseorang pelajar mesti dapat mengumpul sebanyak 20 jam kredit. Matapelajaran-matapelajaran yang terkandung dalam kursus ini adalah seperti dibawah ini yang dipetik daripada Kurikulum Kursus Pengajian Bahasa Jepun Universiti Tokai, Jepun.

Matapelajaran	Kredit
1. Pengenalan kepada Pengajaran Bahasa Jepun	4
2. Nahu Bahasa Jepun Moden	4
3. Fonetiks Bahasa Jepun	2
4. Perbendaharaan Bahasa Jepun	2
5. Metodologi Pengajaran Bahasa Jepun	2
6. Kuliah Pengajaran Bahasa Jepun	2
7. Seminar Pengajaran Bahasa Jepun	2
8. Asas Linguistik Bahasa Jepun	2
9. Pengenalan Linguistik Bahasa Inggeris	2
10. Komunikasi Antara Budaya	2

(Sumber Internet: http://www.pr.tokai.ac.jp/koku/english/e_nai4.html)

Memandangkan kian hari semakin ramai pelajar asing yang mengikuti kursus ini maka bilangan mereka yang mahir dalam bahasa Jepun akan meningkat juga. Apabila pelajar-pelajar ini lulus pengajian mereka lalu balik ke negara asal mereka terus mengajar

pula rakyat tempatan bahasa Jepun. Lantas bahasa Jepun dapat diperluaskan lagi penggunaannya menerusi aktiviti mengglobalisasikan bahasa Jepun dan dengan cara ini dapat mempertingkatkan lagi peradaban negara Jepun.